

29/10/2000

Ezam dakwa tidak tahu

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda Keadilan, Mohamad Ezam Mohd Nor, mendakwa parti itu tidak tahu menahu mengenai pelantikan sebuah firma pelobi di Washington untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia.

Beliau juga mendakwa parti itu tidak berniat untuk mengadakan strategi tekanan ekonomi terhadap Malaysia dalam usaha membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dakwaan itu yang dibuat pada sidang akhbar di sini semalam, bercanggah dengan kenyataannya sebelum ini yang mengaku berjaya mempengaruhi pelabur asing di Amerika supaya tidak datang ke Malaysia dengan alasan sistem kehakiman di negara ini dikuasai ahli politik.

Dalam ucapan pada Perhimpunan Gerakan Mengembalikan Hak-Hak Rakyat di Alor Star baru-baru ini, Mohamad Ezam juga dilaporkan mengaku terbabit dalam gerakan memburukkan Perdana Menteri di Amerika dan Eropah.

Kumpulan yang menjadi sasaran gerakan itu ialah penuntut, ahli politik dan pelabur asing.

Malah, pada sidang akhbar semalam, beliau juga mengesahkan ada menemui pembantu senator parti Republikan, Jesse Helms, sewaktu di Amerika baru-baru ini.

Lawatan itu, katanya atas jemputan kerajaan Amerika di bawah badan pemikir negara berkenaan yang turut dihadiri beberapa pemimpin muda Asia Pasifik bagi melihat perkembangan pilihan raya presiden negara itu.

"Saya juga berjumpa beberapa orang lain di sana dan saya turut memberitahu mereka mengenai keadaan negara ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau mendakwa Keadilan tidak terbabit melantik firma itu serta tidak pernah menggunakan sebarang syarikat pelobi untuk menyampaikan mesej politik.

"Saya juga tidak pernah bertemu dengan mana-mana wakil syarikat lobi sewaktu di seberang laut baru-baru ini," katanya sambil tidak menolak kemungkinan rakan Anwar di luar negara melantik firma berkenaan.

Katanya, Anwar mempunyai ramai kawan sama ada warga asing atau rakyat Malaysia di luar negara.

Khamis lalu, Straits Times Singapura melaporkan, penyokong Anwar melantik firma hal ehwal perhubungan awam dan strategi politik, Janus Meritt Strategy (JMS) yang berpangkalan di Washington bagi tempoh empat bulan mulai Ogos lalu dengan bayaran AS\$50,000 (RM190,000) untuk mengenakan tekanan terhadap Malaysia.

Laporan itu juga menyebut penyokong Anwar akan menggunakan strategi baru untuk memaksa pembebasannya dari penjara melalui tekanan ekonomi.

Tindakan penyokong Anwar itu mendapat kritikan pelbagai pihak yang menganggapnya sebagai derhaka.

Kelmarin, Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata rakyat yang akan menjadi mangsa jika masyarakat antarabangsa mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia melalui usaha penyokong Anwar.

Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah terbukti apabila rakyat Iraq dan Iran menderita kerana sekatan ekonomi negara Barat terhadap negara terbabit sebelum ini.

Mohamad Ezam bagaimanapun berkata, setakat ini pihaknya belum mendapat maklumat kukuh mengenai pelantikan firma itu dan siapa yang melantiknya.

(END)